

Tipu niaga dalam talian membimbangkan

SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

LAZADA
WECOMMERC

2,500 aduan diterima setiap bulan

26.2% merupakan aduan penipuan perniagaan dalam talian

Antara aduan diterima:

- Pengguna dapat barangan yang dibeli daripada yang dibeli
- Barangan rosak
- Tempahan tidak sampai

syarikat telah berdaftar dengan BizTrust. Kita sasarkan lebih banyak syarikat membuat pendaftaran kerana mereka akan mendapat pelbagai manfaat berguna," katanya.

Selain itu katanya, secara dasarnya segmen perniagaan dalam talian menajikan kesesuaian kepada peniaga dan juga pembeli namun, berlaku pelanggaran etika oleh peniaga sehingga menyebabkan pengguna membuat aduan.

"Ada pelbagai aduan yang diterima, antaranya pengguna mendapat barang berlainan daripada yang dibeli, barang rosak, tempahan tidak sampai dan lain-lain masalah lagi," katanya.

Mengulas mengenai MyPay yang disediakan oleh Dapat Vista Sdn. Bhd., Saifuddin Nasution berkata, perkhidmatan berkenaan merupakan inisiatif berguna dan berseuaian kerana dapat memudahkan segala urusan pengguna.

"Kesenangan pengguna menjadi keutamaan dalam segala usaha yang kita lakukan di Kementerian. Kita juga sentiasa komited untuk menjadikan perkhidmatan kerajaan semakin mudah untuk rakyat," katanya.

merancarkan bidang ekonomi digital.

"Bagi membendung masalah ini, kementerian telah meningkatkan penguatkuasaan selain turut memperkenalkan BizTrust bagi mendaftarkan setiap syarikat yang menjalankan perniagaan dalam talian.

"Sehingga kini, kira-kira 3,000

yang menawarkan kemudahan menyemak baki pinjaman, membuat bayaran pinjaman serta pelbagai kemudahan lain.

Menurut Saifuddin Nasution, sektor perniagaan dalam talian ketika ini semakin berkembang dan sekiranya masalah penipuan tidak dibendung ia akan menjejaskan hasrat kerajaan

talian tetapi tidak sampai kepada pengguna, memesan barangan yang tidak diilangkan, menerima barangan yang berbeza dan menerima barangan yang rosak," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Saifuddin Nasution melancarkan aplikasi MyPay iaitu perkhidmatan digital

Oleh HAKIMI ISMAIL
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 15 OGOS

KES penipuan perniagaan dalam talian semakin membimbangkan kerana kini berada di kedudukan pertama carta aduan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, setiap bulan pihaknya menerima kira-kira 2,500 aduan pengguna dan sebanyak 26.2 peratus merupakan aduan penipuan perniagaan dalam talian.

Tambah beliau, aduan berkaitan kes itu meningkat dari 18.6 peratus pada Julai 2018 kepada 26.2 peratus Julai lalu.

"Biasanya di kedudukan teratas carta aduan pengguna ialah melibatkan kes kenaikan harga barang namun, pada bulan lalu situasi berubah dengan aduan mengenai penipuan perniagaan pula di atas.

"Kini aduan nombor satu oleh pengguna adalah penipuan dalam talian, yang merangkumi barangan yang dibeli dalam